



PERTANDINGAN BOLA SEPAK 6 PENJURU

Majlis Daerah Lenggong telah menyertai Pertandingan Bola Sepak 6 penjuru antara PBT yang telah diadakan pada **31 April 2010 hingga 1 Mei 2010** yang lalu bertempat di Padang Majlis Daerah Grik. PBT lain yang menyertai kejohanan ini adalah MD Batu Gajah (penganjur), MD Gerik, MD Selama, MD Perak Tengah dan MD Tapah. Dalam kejohanan ini, **MD Lenggong telah mendapat tempat ketiga** setelah tumpas melalui penentuan penalti kepada Majlis Daerah Perak Tengah pada separuh akhir, manakala dalam penentuan tempat ke-3/4 menumpaskan MD Tapah juga dengan sepakan penalti. Kelab Kebajikan dan Sukan MD Lenggong bagi pihak semua anggota mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah di atas pencapaian ini.

6 SIDE FOOTBALL COMPETITION

Lenggong District Council has joined six side Football Competition between local authorities held on 31 April 2010 to 1 May 2010 and held at the Padang District Council Grik. Other local authorities participating in this tournament is MD Batu Gajah (organizer), MD Gerik, MD Selama, MD Lenggong MD Tapah and MD Perak Tengah. In this tournament, MD Lenggong have lost the third place after the determination of penalties to the Perak Tengah District Council in the semi-finals, while the determination of the place 3 / 4 beat Tapah MD with a penalty kick. Welfare and Sports Club MD Lenggong on behalf of all members to express our appreciation and congratulations on this achievement.





PERHIMPUNAN BULANAN MAJLIS DAERAH LENGGONG BIL 2/2010 DAN PELANCARAN PEMBUDAYAAN PERSEKITARAN BERKUALITI MELALUI AMALAN 5 S

4.05.2010 - Perhimpunan Bulanan MDLg Bil. 2/2010 telah diadakan pada 4.5.2010 di Dewan Merdeka Lenggong. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yassin khas untuk ibu kepada Pembantu Akaun MDLg (Cik Nurul Yani Bt Nasarudin) yang telah kembali ke Rahmatullah.

Selepas itu majlis diteruskan dengan acara Perhimpunan Bulanan MDLg. Agenda dimulakan dengan Taklimat 5S yang disampaikan sendiri oleh Tuan Setiuasaha MDLg; En Nor Akmal b. Yang Ghazali dan kemudiannya Pembudayaan Persekitaran Berkualiti Melalui Amalan 5S di MDLg telah disempurnakan pelancarannya oleh Tuan Yang Dipertua; En Tukiren B Hj Siron. Dalam ucapan beliau, Tuan Yang Dipertua menyeru penglibatan secara menyeluruh semua warga kerja MDLg tanpa terkecuali bagi memastikan matlamat pembudayaan 5S di MDLg dapat mencapai matlamatnya sebagai penambahbaikan kepada budaya kerja. Kemudiannya, sijil penghargaan disampaikan kepada Unit OSC MDLg yang telah berjaya mencapai prestasi cemerlang dalam penyelesaian permohonan yang melebihi purata seluruh Malaysia pada tahun 2009 dan dalam tempoh sehingga Mac 2010. Ucapan tahniah turut juga diberikan kepada Pasukan Bola Sepak MDLg yang telah mendapat tempat ketiga dalam Kejohanan Bolasepak Enam Penjuru antara PBT. Bagi kakitangan yang hari lahir mereka jatuh pada bulan April dan Mei, pihak MDLg telah meraikan mereka dengan pemberian kad hari lahir berserta kek kepada setiap seorang. Acara ini diharap akan diteruskan pada setiap kali diadakan perhimpunan bulanan.

MONTHLY GATHERINGS LENGGONG DISTRICT COUNCIL NO 2 / 2010 AND LAUNCH OF ENVIRONMENTAL QUALITY THROUGH PRACTICE CULTURE 5S

04.5.2010 - Monthly MDLg Assembly Bills. 2 / 2010 held on 04.05.2010 at Dewan Merdekal Lenggong. The ceremony began with the recital of Surah Yassin, especially for mothers to MDLg Accounts Assistant (Ms Nurul Yani Nasarudin Bt Nasarudin), which has returned to Rahmatullah.

After the ceremony continued with Monthly Gathering event MDLg. The agenda started with 5S briefing presented by the Setiuasaha MDLg; Mr Nor Akmal b Ghazali, and later the Environmental Quality Culture Through the practice of 5S in MDLg been completed for launch by YDP: Mr. Siron Tukiren B Hj.Siron In his speech, His Excellency the President called on the overall involvement of all employees without exception MDLg to ensure that the objectives of MDLg 5S culture to achieve its objectives as improving the work culture.

Later, a certificate of appreciation presented to the OSC unit MDLg that have achieved outstanding performance in application solutions that exceed the average nationwide in 2009 and the period up to March 2010. Congratulatory messages were also given to the Football Team MDLg the third place in the Football Championship six corners of the local authorities. For their staff's birthday falls in April and May, the MDLg were celebrating their birthday gift card with a cake to each. This event is expected to continue at all times held monthly gatherings.



PERTANDINGAN BOWLING ANTARA KAKITANGAN MDLG ANJURAN KKS MDLG

7.05.2010 - Pertandingan Bowling antara kakitangan MDLG anjuran KKS MDLG telah berlangsung di Ampang Bowl, Ipoh Parade. Seramai 25 orang ahli KKS telah mengambil bahagian. Pertandingan ini merupakan salah satu daripada siri pemilihan bagi membentuk satu Pasukan Bowling MDLg yang mantap bagi menghadapi Sukan PBT pada tahun hadapan. Ianya juga merupakan program KKS MDLg untuk merapatkan hubungan silaturrahim antara kakitangan MDLG di samping sebagai satu riadah. Pemenang keseluruhan dalam pertandingan ini adalah seperti berikut;

LELAKI ;	1. En. Tukiren b. Siron (YDP)	434 pin
	2. En.Nor Akmal b. Yang Ghazali (Setiausaha)	345 pin.
	3. Encik Megat Khairul Hisham B. Megat Hasan Assaari	331 pin
WANITA ;	1. Cik Rusnida Bt Mat Salleh	300 pin
	2. Pn.Zuriyah Bt Salleh	293 pin
	3. Nurul Yani Bt Nasaruddin	234 pin

BOWLING COMPETITION BETWEEN STAFF SPONSOR KKS MDLG

7.05.2010 - Bowling Tournament organized by the staff MDLG KKS was held at the Ampang Bowl, Ipoh Parade. 25 members took part KKS. This race is one of a series of election to form a team to face strong MDLg Sports Councils in the coming year. It is also a program for KKS MDLg closer ties between staff as well as a MDLG leisure. Overall winner in this competition are as follows;

MEN:

1. En. Tukiren b. Siron (YDP) 434 pin
2. En.Nor Akmal b The Ghazali (Secretary) 345 pin.
3. Mr Megat Khairul Hisham B. Megat Hassan Assaari 331 pin

WOMEN:

1. Ms Rusnida Bt Mat Salleh 300 pin
2. Pn.Zuriyah Bt Salleh 293 pin
3. Nurul Yani Bt Nasaruddin 234 pin





PERTANDINGAN BOWLING ANTARA PBT NEGERI PERAK

9.05.2010 – Sementara itu satu Pertandingan Bowling antara PBT Negeri Perak anjuran Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat SUK Negeri telah diadakan di Ampang Bowl, Ipoh Parade. Sebanyak 10 buah PBT termasuk MDLg telah mengambil bahagian. Pertandingan ini diadakan bagi memilih pasukan KT untuk menghadapi pertandingan 5 penjuru yang akan diadakan pada 25.05.2010. Peserta bagi setiap pasukan telah ditetapkan oleh penganjur iaitu YDP, Setiausaha dan Ahli Majlis / Pegawai Gred 41 ke atas.

MDLg telah diwakili oleh En. Tukiren b, Siron (YDP), Clr. Mohd. Khairul Azni b. Abd. Wahab (Ahli Majlis), Nor Akmal b. Yang Ghazali (Setiausaha) dan En. Juwis Ladiu (Peg. Perancang Bandar & Desa Unit OSC). Pasukan ini telah menunjukkan prestasi yang membanggakan dan bukan lagi pasukan terakhir seperti tradisinya dengan menduduki tangga kelima keseluruhan. Majlis turut berbangga apabila Tuan Yang Dipertua muncul sebagai individu kelima terbaik dan terpilih mewakili pasukan KT SUK.

BOWLING COMPETITION BETWEEN PBT PERAK STATE

9.05.2010 - The local authorities of the State Bowling Tournament organized by the Perak State Secretary Office and Local Government was held at the Ampang Bowl, Ipoh Parade. A total of 10 local authorities including MDLg took part. The competition is held to select teams for the competition KT five corners, to be held on 5/25/2010. Participants of each team was designated by the organizer of the YDP, Secretary and Council Member / Officer of Grade 41 and above.

MDLg was represented by Mr. Tukiren b, Siron (YDP), CLR. Mohd. Khairul Azni b. Abd. Wahab (Member of Council), Nor Akmal b The Ghazali (Secretary) and Mr. Juwis Ladiu (Officer. Town & Country Planning – OSC-unit). This team has shown improved performance and is no longer with





PROGRAM TURUN PADANG BERSAMA AHLI PARLIMEN LENGGONG

10.5.2010 - Satu program Turun Padang (TURPA) bersama Ahli Parlimen Lenggong, Y.B Dato' Shamsul Anuar B Hj Nasarah telah diadakan pada 10.05.2010 yang disertai oleh En. Nor Akmal B. Yang Ghazali; Setiausaha Majlis Daerah Lenggong bersama Ahli Majlis dan beberapa orang pegawai. Tujuan TURPA ini adalah untuk meninjau kemajuan projek yang telah dilaksanakan oleh MDLg dalam menangani bencana dan permasalahan yang berlaku di sekitar Lenggong. Antara projek yang ditinjau adalah seperti berikut ;

- Pembesaran culvert di Kg. Datoh,
- Membina longkang bagi mengatasi banjir di Kg. Sira Rambutan,
- Cadangan kerja-kerja pembesaran longkang dari Bangunan MARA ke Jalan Pegawai, dan Pemulihan cerun di Taman Bukit Senyum

FIELD PROGRAMS WITH LENGGONG MEMBERS Of PARLIAMENT

10.5.2010- A program Field (TURPA) with Lenggong MP: YB Dato 'Shamsul Anuar B Hj Nasarah held on 15/05/2010, accompanied by Mr. Nor Akmal b Yang Ghazali; Setiausaha Lenggong District Council with Members of the Council and several officers. TURPA purpose is to review the progress that has been implemented by MDLg in crisis situations and problems that occur in the vicinity of Lenggong. Among the projects under review are as follows:

- *Expansion of culvert at Kg. Datoh,*
- *Building a drain to alleviate flooding in Kg. Sira Rambutan,*
- *The proposed expansion works to drain from the MARA building to Jalan Pegawai, and;*
- *Recovery in the Slope at Taman Bukit Senyum*



PROGRAM LOCAL AGENDA 21 MAJLIS DAERAH LENGGONG - (KURSUS PENYELENGGARAAN MESIN FOGGING DAN UPDATE FOGGERS ANJURAN BERSAMA MDLG DAN PEJABAT KESIHATAN HULU PERAK

13.5.2010 - Program Local Agenda 21 Majlis Daerah Lenggong (Kursus Penyelenggaraan Mesin Fogging Dan *Update Foggers*) buat julung kalinya anjuran bersama Majlis Daerah Lenggong (MDLg) dan Pejabat Kesihatan Hulu Perak telah diadakan di Resort Tasik Raban, Lenggong pada 13 Mei 2010. Seramai 126 peserta terdiri daripada 14 buah PBT seluruh negeri Perak dan Jabatan Kesihatan Hulu Perak dan COMBI cawangan Padang Gerus telah menyertai kursus ini. Para peserta telah diterangkan dan dilatih menggunakan dan menyelenggara mesin fogging mofengikut cara yang betul secara teori dan juga praktikal oleh En. Saipol B Jasman wakil dari Agrofog Sdn. Bhd. Acara penutup telah disempurnakan oleh Tuan Yang Dipertua MDLg, En Tukiren b. Hj Siron yang juga turut menyampaikan sijil penghargaan kepada peserta di akhir siri kursus.

LOCAL AGENDA 21 PROGRAM LENGGONG DISTRICT COUNCIL - (COURSE MAINTENANCE AND UPDATE FOGGERS) fogging MACHINE WITH SPONSOR PEJABAT KESIHATAN HULU PERAK AND MDLG

13.05.2010 - *Local Agenda 21 Program Lenggong District Council (fogging Machine Maintenance Course and Update Foggers) was the first time jointly organized by the Lenggong District Council (MDLg) and Pejabat Kesihatan Hulu Perak was held in the Resort Tasik Rabant, Lenggong on May 13, 2010. A total of 126 participants from 14 local authorities throughout the state Health Department Perak Hulu Perak and Combi branches Padang Gerus joined this course. The participants were explained and trained to use and maintain fogging machine the right way in theory and practice by Mr.Saipol B Jasman representatives. Agrofog Sdn. Ltd. Closing event was officiated by YDP, Mr Tukiren b. Hj Siron who also presented certificates of appreciation to the participants at the end of the course series .*





Lawatan Timbal Balik MDLg Ke Selama

13.5.2010 - Satu lawatan timbalbalik ke Majlis Daerah Selama telah diadakan pada 13 Mei 2010. Seramai 30 orang ahli Kelab Kebajikan dan Sukan (KKS) pelbagai jawatan telah terlibat dalam lawatan ini yang diketuai oleh Tuan Setiausaha MDLg; En. Nor Akmal b. Yang Ghazali. Setelah melakukan lawatan singkat ke pejabat Majlis Daerah Selama, dijamu pula dengan jamuan minum petang dan beristirahat di Rumah Rehat Selama, acara kemuncak lawatan adalah perlawanan persahabatan Bolasepak dan Badminton antara kedua-dua Majlis. Walaupun hujan turun dengan amat lebat, kedua-dua perlawanan tersebut dapat juga disempurnakan.

Pada malamnya pula, pihak tuan rumah menjamu pula rombongan KKS MDLg dengan jamuan makan malam sebelum bertolak pulang. Dalam ucapan aluan Tuan Setiausaha MD Selama; En. Helmi, beliau sangat berbesar hati dengan kesudian kunjungan MD Lenggong pada hari tersebut dan gembira segalanya berjalan lancar walaupun dalam tempoh yang singkat. Dalam ucapan balasnya pula Tuan Setiausaha MD Lenggong berkata, "*Keputusan perlawanan persahabatan ini tidak penting apa yang prioriti adalah terus menyemai hubungan istimewa dan akrab antara MD Lenggong dan MD Selama yang telah terjalin sejak dulu lagi.* Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderamata. Sesungguhnya, pihak MD Lenggong sangat terharu dengan layanan istimewa pihak MD Selama pada hari berkenaan dan berharap agar jalinan ukhuwwah yang erat akan terus berkekalan.

Visit to Selama

13.5.2010- In the evening, the hosts will entertain the group with KKS MDLg dinner before leaving home. In his speech Secretary For MD: En. Theater, he was very pleased with the willingness Lenggong MD visit for the day and happy things running smoothly even in the short term. In his responses were Lenggong MD Secretary Lord said, "The result of this friendly match is not important what the priorities are further nurture the special relationship and close friendship between the MD Selama and MD Lenggong has long prevailed for so long again. The ceremony was concluded with the presentation of gifts. Indeed, the MD Lenggong very touched by the special treatment of MD Selama of the day, and hope that ukhuwwah close ties to the continuation.



Program Local Agenda 21 :- Gotong Royong di Kg. Tersusu Bukit Raja & Tmn Sri Adika Raja

Jun 2010 – Satu program Gotong Royong membersihkan kawasan di Kg. Tersusun Bukit Raja & Taman Adika Raja anjuran Majlis Daerah Lenggong telah diadakan dengan jayanya pada 19 Jun 2010. Cadangan program ini telah ditimbulkan oleh Area Officer kawasan tersebut iaitu Tn. Hj. Wan Rashdi b. Wan Ahmad di dalam Mesyuarat Penuh Majlis dengan objektif membanteras kawasan pembiakan nyamuk aedes memandangkan kes denggi yang tinggi di kawasan tersebut. Kehadiran penduduk yang terdiri daripada pelbagai kaum adalah amat menggalakkan bukan sahaja daripada kawasan tersebut tetapi juga dari kawasan sekitar. Penglibatan daripada rakan agensi seperti RELA, Pejabat Kesihatan Daerah Lenggong dan Rukun Tetangga juga amat dihargai. Acara dimulakan dengan ucapan aluan oleh Tuan Setiausaha MDLG yang kemudiannya memecahkan khalayak kepada sektor tugas masing-masing. Keseluruhannya, objektif program telah berjaya dicapai dan program ditamatkan dengan jamuan makan tengahari. Sekalung penghargaan buat semua yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung semasa aktiviti ini dijalankan.

Local Agenda 21 Programme:

Collaborative Events in Kg. Tersusu Bukit Raja & Taman Sri Adika Raja
June 2010 - The collaborative events cleaning in Kg. Tersusun Bukit Raja & Taman Sri Adika Raja organized by Lenggong District Council had successfully held on June 19, 2010. The program has been proposed by the Area Officer for that area; Tn. Hj. Wan Rashdi b. Wan Ahmad at the Full Council Meeting with the objective of preventing the breeding of aedes mosquitoes as dengue cases are high in the area. The presences of people from various races are encouraging not only from the local area but also from surrounding areas. The involvement from other agencies such as RELA, Health Department of Lenggong and local folks are very much appreciated. The event

began with a speech by Secretary of MDLG then he divided the audiences into the group tasks. Overall, the outcomes achieved and the programme ended with lunch. Thank you to all who have been involved directly or indirectly during this event.



.Program Local Agenda 21 :- Program Kemasyarakatan di Gelok

Jun 2010 – Program terbesar bagi Local Agenda-21 MDLg setakat ini dalam tahun ini telah dianjurkan pada 26 Jun 2010. Majlis dimulakan dengan acara senam robik yang dipimpin oleh En. Juwis Ladiu (Pegawai Perancang Bandar & Desa MDLg). Selepas itu acara diteruskan dengan Gotong Royong Perdana membersihkan kawasan persekitaran RPA Gelok dan taman permainan yang turut disertai oleh Ahli Parlimen Lenggong; Y.B Dato Shamsul Anuar B Hj Nasarah dan ADUN Kota Tampan; Y.B Dato Saarani B Hj Mohamad. Program yang mendapat kerjasama JKKK Kg Gelok dan juga rakan-rakan agensi seperti Balai Bomba serta RELA ini turut diisi dengan kempen menderma darah oleh Jabatan Kesihatan, temuduga oleh Jabatan Tenaga Kerja, pertandingan mewarna kanak-kanak tadika oleh KEMAS dan juga pameran dari agensi swasta. Ini telah melengkapkan penglibatan tiga pihak Local Agenda-21 iaitu PBT, masyarakat dan pihak swasta. Program diakhiri dengan Majlis Penutupan yang disempurnakan oleh ADUN Kota Tampan yang juga Exco Kerajaan Negeri; Y.B Dato Saarani B Hj Mohamad. Turut disampaikan dalam majlis ini ialah sumbangan tong sampah kepada JKKK dan juga Anugerah Premis Makan dan Tandas. Kemuncak Majlis ini ialah Pelancaran Aplikasi Pembayaran Cukai Taksiran Melalui Maybank2u Secara online. Dengan pelancaran ini, adalah diharapkan pengguna mempunyai alternatif yang lebih mudah untuk membayar cukai taksiran sekaligus dapat mengurangkan tunggakan cukai Majlis.

Local Agenda 21 programs: - Community Programme at Gelok

June 2010 - The biggest programme of Local Agenda-21 MDLg for this year have been successfully held on June 26, 2010. The programme began with an aerobic session led by Mr. Juwis Ladiu (Town & Country Planning Officer MDLg). Then, it's continues with the Collaborative Prime to clean up surrounding and playground around RPA Gelok. These activities were also accompanied by Member of Parliament Lenggong; YB Dato Hj Shamsul Anuar B Nasarah and Kota Tampan Assemblymen YB Dato Saarani B Hj Mohamad. The programme was a collaboration between JKKK Kg Gelok and other agencies such as fire station and RELA. The activities during this programme are blood donation campaign by the Health Department, interview session by the Department of Labour, colouring contest for kindergarden children by KEMAS and exhibitions from private agencies. This programme invovled by three parties for Local Agenda -21; local authority, community and private sectors. This programme ended with a closing ceremony officiated by the Kota Tampan Assemblymen whose also State Exco; YB Dato Hj Mohamad Saarani B. In this event, he also presented the contribution of waste bin to JKKK and Awards Food Primeses and toilet. The highlight of this programme was the lauching of Online Assessment Tax Payment using Maybank2u online payment. With this new assessment tax payment via online, it is hope that users have an easier alternative to pay their tax acsessment as well as to reduce the arrears of the Council.

